

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN UKUR BANGUNAN**

KEBERKESANAN KAEDAH TEKNOLOGI PEMBINAAN CEPAT

**Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)**

**DISEDIAKAN OLEH : SH. NURHAFIZAH SYED ZIN
SESSI : 2000/2003**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN

BAB SATU

1.0	Pengenalan	1
1.1	Isu	2
1.2	Definisi Tajuk	
	1.2.1 Keberkesanan	3
	1.2.2 Teknologi Pembinaan Cepat	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Metodologi Kajian	6-7
1.5	Skop Kajian	8

BAB DUA

2.0	Sejarah Penggunaan Konkrit Pratuang	9
2.1	Jenis-jenis Teknologi Peminaan Cepat	10-12
2.2	Teknik-teknik Pembinaan	
	2.2.1 Teknik Pembinaan Acuan Gelangsar	12-17
	2.2.2 Kelebihan Teknik Pembinaan Gelangsar	17
	2.2.3 Teknik Pembinaan Jungkit	18-23
	2.2.4 Kelebihan Teknik Pembinaan Jungkit	23-24
	2.2.5 Keadaan Tapak Yang Menghadkan Teknik Peminaan Jungkit	24

BAB TIGA

3.0	Pengenalan Kajian Kes	25-26
3.1	Sistem Dan Teknologi	27-29
3.2	Kaedah Pembinaan	
	3.2.1 Struktur	30
	3.2.2 Cara Pemasangan Struktur Panel	30-31
3.3	Rekabentuk dan Masa Pembinaan	32-38
3.4	Kemasan	39-42
3.5	Lain-lain Keistimewaan	43-45

BAB EMPAT

4.0	Analisis Melalui Temuramah	46-55
-----	----------------------------	-------

BAB LIMA

5.0	Kesimpulan	56-60
-----	------------	-------

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Sektor pembinaan bukanlah satu perkara baru di negara kita. Terdapat banyak bangunan yang dibina dengan bentuk yang unik dan canggih dengan menggunakan kaedah dan bahan yang terbaru dan moden. Pada masa kini, teknologi pembinaan cepat merupakan salah satu daripada teknologi yang berkembang dengan baik dan pesat di dalam industri pembinaan.

Penggunaannya didapati begitu memberangsangkan dan banyak digunakan dalam semua aspek; rekabentuk, pengiraan, pengeluaran di dalam kilang dan juga pemasangan. Ia juga memberikan pelbagai kebaikan seperti tempoh pembinaan yang cepat, berkualiti tinggi dan kurang memerlukan tenaga kerja serta penggunaan acuan yang melibatkan kos yang tinggi.

Perkembangan ini telah membawa kepada perubahan yang pantas dan berterusan iaitu perubahan dari segi konsep dan rekabentuk.

1.1 ISU

Dalam menuju ke arah negara maju, industri pembinaan juga tidak ketinggalan daripada menerima pelbagai teknologi moden dan baru untuk meningkatkan kualiti binaan sesebuah bangunan.

Pada 21 Ogos 2000 satu seminar bertajuk 'Building Pre-Fabricated Low-Cost Houses' telah diadakan di Kuala Lumpur. Seminar ini bertujuan untuk mengkaji tentang kebolehlaksanaan rumah pasang siap. Teknik pasang siap merupakan salah satu daripada teknik pembinaan cepat yang ada di negara kita.

Menurut Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu, teknik pasang siap adalah lebih baik berbanding dengan teknik konvensional dari segi kekuatan, kestabilan serta ia dapat disiapkan dengan lebih cepat¹.

¹ The Star, 21st June 2000 (ms 14)